

27/11/1997

Tiga lagi negara sertai Apec

VANCOUVER, Rabu - Pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) semalam menerima penyertaan Peru, Vietnam dan Russia berkuatkuasa 1998 tetapi menutup keanggotaan baru bagi tempoh 10 tahun.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, walaupun banyak negara lain memohon untuk menyertai kerjasama itu, mesyuarat berpendapat Apec tidak lagi wajar mempunyai ahli yang ramai.

"Kita mengkaji semua permohonan mereka dan berpendapat adalah perlu soal keanggotaan ini diselesaikan sepenuhnya. Majoriti berpendapat Apec tidak boleh mempunyai terlalu banyak ahli kerana ini mustahil dapat mewujudkan keakraban.

"Oleh itu, kita buat keputusan jika mahu mengehendkan keanggotaan, ia perlu dibuat sekarang tanpa mengambil kira perkara lain hingga tempoh 10 tahun lagi," katanya pada sidang akhbar wartawan Malaysia dan asing.

Ditanya implikasi kemasukan Russia itu, Dr Mahathir berkata, Apec mengalu-alukan pembabitan negara itu dalam Asia Pasifik berikutan kecenderungannya selama ini lebih memandang ke Barat.

"Secara geografi, sebahagian besar Russia adalah di Timur. Tiba masanya ia terbabit di Asia terutama Asia Timur. Walaupun ada perbezaan dari segi budaya, pembabitan Russia mempunyai nilai tambah kepada perbincangan.

"Russia juga dapat mengimbangi pelbagai kepentingan dalam Apec," katanya.

Kemasukan anggota baru itu menjadikan Apec di Kuala Lumpur yang bertemakan 'Memewahkan Jiran' disertai 21 negara.

Keanggotaan baru Apec itu diumumkan oleh Perdana Menteri Kanada, Jean Chretien di sini pada sidang akhbar walaupun dalam deklarasi tidak menyebut perkara itu. Difahamkan keputusan itu dicapai lewat petang sebelum pemimpin mengakhiri pertemuan.

Menurut Chretien, kemasukan terbaru tiga negara itu, pemimpin Apec yang bermesyuarat semalam bersetuju untuk tidak lagi menerima keanggotaan baru.

Vietnam adalah negara ketujuh dalam Asean yang menyertai Apec. Enam yang lain ialah Malaysia, Brunei Darussalam, Indonesia, Filipina, Thailand dan Singapura.

Anggota lain ialah Australia, Hong Kong, Kanada, Chile, China, Jepun, Korea, New Zealand, Papua New Guinea, Taiwan, Thailand dan Amerika Syarikat.

(END)